

PENJUAL AISKRIM RAYU BANTUAN RUMAH

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada aduan bertajuk “ Penjual Aiskrim Rayu Bantuan Rumah” yang disiarkan pada 22 Oktober 2013 di halaman 19.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah membuat lawatan ke rumah **En. Ibrahim bin Awang Hamad (540102-03-5181)** di **Kg. Teja Chica Tinggi, Pasir Mas Kelantan** pada 28 Oktober 2013. Kementerian mendapati bahawa beliau adalah **layak** diberikan bantuan di bawah Program Bantuan Rumah, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (PBR, SPKR).

3. Dengan itu, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui surat bertarikh 14 November 2013 kepada Jawatankuasa Focus Group Daerah (FGD) Negeri Kelantan telah meminta agar pihak tersebut menyenaraikan permohonan ini bagi pelaksanaan tahun 2014.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

ELIN AZLIN BINTI KAMARULZAMAN

Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah